

05 JUL 2002

Mahathir-Caci (Bergambar)

PEMBANGKANG CAKAP MERAPU, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta parti pembangkang menghentikan sebarang bentuk cacian dan makian terhadap pemimpin Barisan Nasional.

"Saya minta supaya mereka dapat berpegang kepada ajaran Islam sebenar dan berbaik-baik sesama Islam serta bukan Islam untuk kebaikan semua," kata Perdana Menteri kepada ribuan penyokong BN yang menyambut ketibaan beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas di sini.

Sejak beberapa hari lepas, RTM telah menyiarkan sedutan ceramah anggota jawatankuasa kerja pusat Pas, Mohamad Sabu, yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai "gila" dan seorang "haprak" yang tidak layak menjadi pemimpin. RTM juga menyiarkan petikan sajak oleh Anggota Parlimen Sik dari Pas, Datuk Shahnnon Ahmad, yang antara lain meminta agar Dr Mahathir cepat mati.

Perdana Menteri menyeru penyokong-penyokong BN supaya tidak meniru sikap sedemikian sebaliknya menyerahkan kepada Tuhan untuk membalas setiap perbuatan pemimpin-pemimpin pembangkang itu.

"Kita tidak mahu berperang dengan parti lawan dan memaki serta mencaci mereka kerana tindakan itu tidak betul. Cakap mereka juga merapu," katanya.

Dr Mahathir juga menasihatkan rakyat supaya bijak memilih calon dari parti yang boleh membawa pembangunan kepada mereka.

Perdana Menteri berkata hanya Barisan Nasional yang mampu berbuat begitu berbanding parti lawan yang sekadar menawarkan janji kosong semata-mata.

"Saya minta pengundi menyokong BN untuk memantapkan kerajaan serta demi kebaikan agama Islam, bangsa dan negara," katanya.

Kedah bakal menyaksikan dua pilihan raya kecil serentak pada 18 Julai ini iaitu bagi kerusi Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri Anak Bukit berikutan kematian penyandanginya, Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, pada 23 Jun lepas.

Menyentuh hasrat beliau untuk berundur pada Oktober 2003, Dr Mahathir berkata: "Izinkan saya berhenti dan berehat. Saya tidak berniat untuk menjadi pemimpin selamanya. Dalam keadaan sihat inilah masa yang sesuai untuk saya berehat."

-- BERNAMA

MAN MAI